

TERTEKAN HIDUP LEPAS BANJIR

Batal hasrat sambung pengajian ke peringkat diploma untuk bantu keluarga



BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar
Seksyen Kaunseling
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

? **Peristiwa** banjir kuning yang melanda negeri di pantai timur pada Disember tahun lalu amat memeritkan. Penduduk kehilangan harta benda dan ramai tinggal sehelai sepinggang. Begitulah juga dengan nasib saya sekeluarga.

Keperitan keluarga dirasakan sehingga kini. Sebagai anak remaja dalam keluarga, saya agak tertekan dengan ujian ini.

Saya kasihan melihat kesengsaraan adik-beradik lain dan tentunya ibu bapa saya yang bekerja sebagai penoreh getah di kebun milik kawan ayah, berapalah sangat pendapatan kami.

Jika sebelum ini, hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, apatah lagi kini.

Saya membatalkan hasrat menyambung pengajian ke peringkat diploma semata-mata untuk membantu keluarga.

Tindakan dan keputusan ini diterima ibu dan hanya air matanya yang mengiringi keputusan ini. Saya tahu ibu dan ayah agak berat untuk bersetuju, tapi mereka tiada pilihan lain.


Saya lebih rela susah bersama daripada membiarkan keluarga tinggal dalam khemah dan rumah sementara. Hanya Tuhan yang mengetahui perasaan ini.

SEDIH, Kelantan.

! **Pertama,** saya takziah atas bencana melanda. Sungguh berat dugaan itu sehingga sekarang masih ramai yang berada dalam situasi seperti mana anda ceritakan.

Bencana alam juga rahsia Allah, kenapa dan mengapa ia boleh berlaku atas beberapa sebab yang boleh dilihat dengan mata kasar atau tidak.

Namun, kesannya amat besar dari segi jasmani, emosi, rohani dan pemikiran. Pelbagai gangguan di-



lami semua mangsa termasuk anda sekeluarga.

Inilah tandanya kebesaran Allah kerana setiap yang berlaku atas kehendak-Nya.

Sebagai hamba-Nya, kita hanya mampu berdoa semoga diberikan kemudahan dalam mengatasi kesukaran ini. Berdoa untuk bantuan khas daripada pihak berwajib secara berperingkat. Sabar dan tabah dalam setiap ujian yang dilalui. Perkara ini asas kekuatan spiritual yang menjadi tunjang kepada kegigihan dan ketabahan hati.

Sedih memang sedih, begitu juga risau, tertekan dan perit. Namun, anda masih perlu bertahan dan reda dengan ujian ini.

Kedua, saya ingin menyatakan rasa hormat terhadap pendirian anda. Dalam situasi yang perit serta daif ini, anda masih mampu berfikir untuk kebajikan yang lain sehingga nekad membantu keluarga dalam mengharungi kesukaran ini.

Niat baik pastinya menghasilkan sesuatu yang cemerlang sebagai seorang insan sejati. Bukan mudah memiliki pendirian ini kerana terdapat sesetengah individu yang cenderung memikirkan diri sendiri berbanding orang lain.

Kesanggupan anda menanggung hasrat menyambung pengajian ke peringkat diploma bukanlah sesuatu keputusan yang mudah. Ia hadir hanya daripada hati berjiwa kental dan ikhlas untuk menghulurkan bantuan.

Namun, anda juga perlu mempunyai perancangan

untuk masa depan anda. Perancangan ini tidak semestinya dalam masa terdekat, tetapi boleh direncanakan untuk jangka masa panjang.

Contohnya, jika anda nekad berusaha mencari rezeki bagi mengurangkan beban kewangan keluarga, anda juga perlu membuat perancangan untuk diri sendiri.

Hasrat untuk menyambung pengajian itu mungkin boleh dimurnikan lagi dengan matlamat yang jelas iaitu mempunyai idea, jangka masa, strategi dan tindakan.

Anggaplah ketika ini, hasrat itu kejayaan yang tertunda dan akan diraih semula selepas ini. Bermohon kepada Allah agar diberkati setiap usaha yang ingin dilakukan.

Saya percaya, jika anda mempunyai kesungguhan dan niat suci murni, tidak ada sebab mengapa anda perlu gagal dalam perjuangan kehidupan.

Berusaha mengikut kemampuan dan kesesuaian. Sesungguhnya, hasrat anda itu mendapat doa ikhlas dan penuh kesyukuran daripada ibu bapa serta keluarga anda.

Selain tekad yang dibuat, anda juga perlu sentiasa mencari maklumat mengenai sumber bantuan kebajikan buat anda dan keluarga. Kenal pasti jenis bantuan dihulurkan atau yang boleh dipohon daripada pihak bertanggungjawab.

Anda juga perlu sentiasa merujuk pihak berwajib dalam mendapatkan bantuan yang boleh dipohon agar tidak ketinggalan.

Bantuan pasca banjir misalnya dilakukan secara berkala dan berterusan termasuk pembinaan rumah kekal bagi mangsa banjir serta baik pulih rumah yang mengalami kerosakan. Selain bantuan itu, agihan bantuan kewangan serta keperluan asas masih berterusan.

Oleh itu, anda perlu sentiasa merujuk kepada pihak berwajib di tempat anda untuk sebarang bantuan pasca banjir.

Ada juga beberapa pihak yang memuat naik gambar dan cerita perkongsian mangsa banjir di Kelantan menerusi saluran media sosial. Perkongsian itu mendapat respons positif daripada ramai pihak. Cara ini juga boleh dipraktikkan bukan hanya kepentingan sendiri, tetapi memberitahu masyarakat situasi terkini.

Penyebaran dan perkongsian ini mampu membuka mata mereka yang prihatin menghulurkan bantuan.

Akhir sekali, berkongsi dengan keluarga nilai moral yang positif, mudah-mudahan nilai dan jati diri anda mampu memberikan kekuatan kepada mereka dalam mengharungi kesukaran ini.

Perlu juga untuk anda ketahui masih ramai yang senasib dengan anda. Usah dilihat mereka yang lebih bernasib baik, sebaliknya melihat mereka yang juga mengalami kesukaran.

Tujuannya membangkitkan rasa positif dalam keperitan ini. Semoga bantuan pasca banjir dipergiatkan lagi untuk menjaga kebajikan semua mangsa.